

PERNYATAAN IKLAN DALAM AKHBAR



TAWARAN PELAWAAN SEBAGAI PENULIS PAKEJ BUKU TEKS KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR) SEMAKAN TAHUN 2 UNTUK KEGUNAAN MULAI TAHUN 2018

Tawaran dibuka kepada calon-calon penulis yang berkebolehan, berpengalaman, berkelayakan dan mempunyai kepakaran serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan bagi menulis pakej buku teks mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan Tahun 2 untuk kegunaan mulai tahun 2018 yang dipertanggungjawabkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Calon-calon penulis dipelawa untuk menulis pakej buku teks mata pelajaran KSSR Semakan Tahun 2 seperti yang berikut:

- Bahasa Melayu Tahun 2 SK/SJK
- Sains Tahun 2 SK
- Bahasa Arab Tahun 2
- Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Tahun 2 SK
- Matematik Tahun 2 SK
- Pendidikan Islam Tahun 2
- Pendidikan Moral Tahun 2 SK
- Pendidikan Kesenian Tahun 2 SK
 - Seni Muzik
 - Seni Visual

Sila layari laman sesawang DBP di <http://dbp.gov.my> untuk keterangan lanjut.

DOKUMEN TERPERINCI PENGIKLANAN

TAWARAN PELAWAAN SEBAGAI PENULIS PAKEJ BUKU TEKS KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR) SEMAKAN TAHUN 2 UNTUK KEGUNAAN MULAI TAHUN 2018

Tawaran dibuka kepada calon-calon penulis yang berkebolehan, berpengalaman, berkelayakan dan mempunyai kepakaran serta memenuhi syarat-syarat di bawah bagi menulis pakej buku teks mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan Tahun 2 untuk kegunaan mulai tahun 2018 yang dipertanggungjawabkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Calon-calon penulis dipelawa untuk menulis pakej buku teks mata pelajaran KSSR Semakan Tahun 2 seperti yang berikut:

- Bahasa Melayu Tahun 2 SK/SJK
- Sains Tahun 2 SK
- Bahasa Arab Tahun 2
- Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Tahun 2 SK
- Matematik Tahun 2 SK
- Pendidikan Islam Tahun 2
- Pendidikan Moral Tahun 2 SK
- Pendidikan Kesenian Tahun 2 SK
 - Seni Muzik
 - Seni Visual

Syarat Permohonan

1. Penulis yang ingin menyertai program penulisan ini hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia yang berumur tidak melebihi 60 tahun.
2. Penulis sekurang-kurangnya mempunyai sijil, diploma, ijazah atau mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran berkenaan.
3. Penulis mestilah mahir dan menguasai hal-hal yang berkaitan dengan kurikulum dan pedagogi mata pelajaran berkenaan.
4. Penulis sebaiknya mempunyai pengalaman menulis. Salinan kulit buku atau hasil penulisan yang tertera nama penulis yang telah disahkan oleh Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional perlulah disertakan sebagai bukti hasil penulisan.
5. Penulis sebaiknya mempunyai pengetahuan am yang luas dan terkini yang ada kaitannya dengan mata pelajaran berkenaan.

6. Penulis yang dipilih mestilah sanggup menulis satu pakej buku dalam mata pelajaran berkenaan.
7. Penulis mestilah sanggup serta berkemampuan dan berkeupayaan melaksanakan tugas penulisan dalam masa yang ditetapkan.
8. Penulis mestilah sanggup memberikan kerjasama bagi menjayakan penulisan dan penerbitan pakej buku teks dan boleh bekerja sebagai satu pasukan.
9. Penulis mestilah mendapat kebenaran daripada Ketua Jabatan masing-masing.
10. Penulis tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan kebenaran menghadiri taklimat/bengkel/mesyuarat yang dilaksanakan oleh DBP atau Bahagian Buku Teks (BBT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penulis yang tidak hadir bengkel boleh digugurkan daripada program penulisan ini.
11. Penulis yang sedang menulis buku teks KSSR/KSSRPK/KSSM/KSSMPK/SSeM dengan penerbit lain untuk kegunaan tahun yang sama (tahun 2018) tidak layak menyertai program penulisan ini.
12. Penulis yang terpilih menulis pakej buku teks KSSR ini akan tertakluk pada peraturan, jadual serta arahan daripada pihak DBP dan BBT, KPM dari semasa ke semasa.
13. Calon penulis bagi mata pelajaran yang sama atau berlainan bukanlah daripada pasangan suami isteri.
14. Segala urusan dan kos bagi penulisan pakej buku teks ini seperti menyediakan bahan contoh, menghadiri taklimat, mesyuarat atau bengkel yang berkaitan adalah atas tanggungan penulis sendiri.
15. Pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka, serta Pegawai KPM dari Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) tidak dibenarkan menyertai program penulisan ini sebagai calon penulis.

Cara Memohon

1. Permohonan hendaklah dibuat secara individu. Setiap calon penulis dikehendaki menghasilkan bahan contoh berdasarkan Panduan Penulisan, Dokumen Standard Kurikulum serta Spesifikasi Bahan Contoh yang diperolehi dalam Dokumen yang dibeli. Bahan contoh ini akan dinilai oleh Panel Penilai Bebas DBP.
2. Dokumen dan maklumat lanjut tentang program penulisan ini dapat dibeli dengan harga **RM50.00 bagi satu mata pelajaran**. Calon penulis boleh membeli lebih daripada satu dokumen mata pelajaran. Walau bagaimanapun, calon penulis yang berjaya hanya akan dipilih untuk satu mata pelajaran. Sebarang pertukaran mata pelajaran tidak akan dilayan.

2.1 Pembelian dokumen boleh dibuat mulai **3 Mei hingga 19 Mei** 2016.

2.2 Cara Pembelian:

(a) Pembelian secara tunai

Dokumen dan maklumat lengkap tentang program pertandingan penulisan bahan contoh ini dapat dibeli **di Bahagian Kewangan dan Bekalan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Aras 27, Menara DBP** dari pukul **9.00 pagi hingga 4.30 petang**.


(b) Pembelian secara Wang Pos/Wang Kiriman Pos

Dokumen juga boleh dibeli dengan menggunakan Wang Pos/Wang Kiriman Pos atas nama **Dewan Bahasa dan Pustaka**. Sampul surat serahan wang pos/kiriman pos hendaklah ditulis perkataan **“PROJEK BUKU TEKS KEGUNAAN TAHUN 2018 dan nama mata pelajaran yang dimohon”** di sudut kiri sebelah atas sampul surat. Selain itu, satu **sampul surat beralamat sendiri berukuran 4 inci x 9 inci perlu disertakan**. Sila hantar ke alamat:

**Ketua Bahagian,
Bahagian Kewangan dan Bekalan,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Aras 27, Menara DBP,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.**

Contoh sampul surat:


**PROJEK BUKU TEKS KEGUNAAN TAHUN 2018
BAHASA MELAYU TAHUN 2 SK/SJK**



Kepada:

Ketua Bahagian,
Bahagian Kewangan dan Bekalan,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Aras 27, Menara DBP,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.

Contoh sampul surat beralamat sendiri (untuk terimaan dokumen):

<p>PROJEK BUKU TEKS KEGUNAAN TAHUN 2018 BAHASA MELAYU TAHUN 2 SK/SJK</p> <p>(No.Tel. Penulis: 09-7659711/013-3845149)</p> <p>Kepada:</p> <p>Azman bin Arshad, Kampung Selesa, 16150 Kota Bharu, Kelantan.</p>	
---	---

(c) Pembelian secara dalam talian

Dokumen juga boleh dibeli secara dalam talian dengan menggunakan pindahan bank melalui **Bank Islam** nombor akaun **14023010018002** atas nama **Tetuan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia**. Sila nyatakan maklumat diri (nama, alamat dan nombor telefon) berserta salinan resit pindahan bank, dan e-melkan ke alamat e-mel zaiton3@dbp.gov.my atau mariati@dbp.gov.my sebagai bukti pembelian. Penghantaran dokumen pertandingan akan dibuat selepas penerimaan e-mel tersebut.

1.3.2 Sebarang kelewatan berhubung dengan pembelian dan penyerahan dokumen melalui pos bukan tanggungjawab DBP.

3. Permohonan hendaklah dibuat secara individu. Setiap penulis dikehendaki menghasilkan bab contoh. Bab contoh ini akan dinilai oleh Panel Penilai DBP. Tiga (3) hingga empat (4) orang penulis yang terbaik dan mengikut syarat yang ditetapkan akan dipilih dan digabungkan sebagai satu kumpulan bagi menangani satu mata pelajaran.
4. Satu salinan lembut maklumat biodata penulis yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke Bahagian Kewangan dan Bekalan, Aras 27, Menara DBP selewat-lewatnya pada **23 Mei 2016**. Setiap borang biodata yang diserahkan kepada DBP sebagai bukti penyertaan hendaklah **dilampirkan dengan resit asal** pembelian dokumen.
5. Manuskrip bahan contoh yang telah disiapkan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan hendaklah diserahkan ke Bahagian Kewangan dan Bekalan, Aras 27, Menara DBP pada **23 Mei 2016 sebelum pukul 12.00 tengah hari**.

6. Penulis boleh menghubungi Hajah Zaiton binti Ismail, No. Tel.: 03-2147 9505, e-mel: zaiton3@dbp.gov.my atau Puan Mariati Josepha binti Mustafa, No. Tel.: 03-2147 9572, e-mel: mariati@dbp.gov.my jika menghadapi sebarang masalah berhubung dengan program penulisan ini.

Ganjaran

Ganjaran sebagai penulis pakej buku teks akan diberikan dalam bentuk honorarium atau royalti berdasarkan kadar yang ditetapkan oleh DBP.

Keputusan Penawaran

Keputusan penawaran ini tertakluk pada dasar perolehan dan pembekalan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.